

10 OCT 2001

Parlimen-Usul

DEWAN RAKYAT BAHAS USUL SERANGAN AMERIKA KE ATAS AFGHANISTAN

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini membahaskan usul tergepang mengenai serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Afghanistan.

Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad ketika menggulung perbahasan itu berkata ia sudah terlambat kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu itu.

Selain itu, katanya Malaysia juga telah mengadakan segala langkah perlu bagi membendung keganasan.

"Saya anggap usul yang dibentangkan itu sudah terlambat dan ia semata-mata untuk mencari 'political mileage' bagi pihak tertentu," katanya.

Usul itu dibentangkan oleh Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu).

Ketika membentangkannya Syed Azman berkata serangan AS terhadap Afghanistan menyentuh kredibiliti Malaysia sebagai negara Islam, maruah serta menyentuh pencabulan hak asasi yang menjadi asas kepada amalan demokrasi.

Beliau meminta kerajaan mendesak Amerika Syarikat menghentikan segera serangannya terhadap Afghanistan yang mengorbankan banyak nyawa termasuk wanita dan kanak-kanak.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) ketika perbahasan usul itu bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir yang menyarankan supaya diadakan persidangan dunia mengenai keganasan.

"Kita menyeru supaya Pakatan Amerika menghentikan serangan ke atas Afghanistan dan seterusnya mencari jalan bukan perang seperti persidangan antarabangsa untuk menghapuskan semua jenis keganasan di dunia," kata Dr Tan juga Naib Pengerusi DAP Kebangsaan.

Penyokong kerajaan Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datoh) meminta PAS membersihkan parti itu dan memecat anggotanya yang terbabit dengan kegiatan militan sekiranya parti itu benar-benar menentang keganasan.

Serorang lagi penyokong kerajaan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata keputusan Amerika Syarikat serta sekutunya menyerang Afganistan adalah berdasarkan bukti yang samar-samar.

Justeru beliau berharap Malaysia akan menyuarakan bantahan terhadap serangan itu menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

RZS SHS AKT NMO